

# KEJOHANAN

## BOLING PIALA PENGETUA

Oleh ; Noorharnila Rusli

Tanggal 14 Februari 2009 yang lalu, Majlis Penghuni Kolej Kediaman Tan Sri Aishah Ghani (MPKKG) telah mengadakan Kejohanan Boling Piala Pengetua bertempat di City Plaza, Alor Setar, Kedah. Kejohanan ini telah disertai oleh semua pelajar MPKK, barisan Majlis Perwakilan Pelajar dan juga kakitangan Kolej Kediaman. Turut dijemput hadir bagi memeriahkan kejohanan tersebut ialah Y. Bhg. Dato' Naib Canselor.

Antara kategori yang dipertandingkan ialah Kategori antara MPKK dan MPKK, Kategori Staf Kolej Kediaman, Kategori Jemputan VVIP, Jatuhan Tertinggi Keseluruhan (L/P) dan Jatuhan Sempurna Keseluruhan. Penyampaian hadiah bagi kejohanan ini telah disempurnakan oleh En. Mohamad Ezral b. Baharudin selaku Pengetua Kolej Kediaman.

Menerusi kejohanan ini, para peserta dapat meningkatkan semangat kerja berpasukan selain mewujudkan integrasi di kalangan pelajar berbagai kaum. Selain itu, kejohanan ini juga dapat memberi pendedahan kepada pelajar bagi menganjurkan kejohanan yang lebih besar pada masa hadapan.

